

Majlis Aids lancar laporan diskriminasi

BH 2 - DEC 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Aids Malaysia (MAM) melancarkan laporan mengenai diskriminasi terhadap penghidap dan pembawa HIV/Aids sempena sambutan Hari Aids Sedunia hari ini.

Laporan yang bertajuk "Hidup dengan HIV/Aids di Malaysia: Satu dokumentasi mengenai Diskriminasi", adalah laporan pertama yang dilakukan di Malaysia mengenai stigma dan diskriminasi yang dihadapi mereka yang positif HIV serta keluarga mereka.

Dalam satu sidang akhbar di ibu pejabat MAM di sini, pengerusinya, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, laporan itu adalah berdasarkan kajian kes yang dilakukan Jabatan Etika Undang-Undang dan Hak Kemanusiaan MAM.

"Kajian kes itu dijalankan ekoran laporan yang diterima MAM mengenai diskriminasi yang terpaksa dilalui mereka yang positif HIV. Laporan ini dibuat bagi membuktikan yang isu itu benar-benar berlaku," katanya.

Marina berkata, laporan itu dibuat berdasarkan kajian yang direka "Asia Pacific Network of People Living with HIV/Aids (APN)" sewaktu bengkel Hak Asasi Manusia yang diadakan di Hong Kong pada tahun 1998.

Menurutnya, objektif utama laporan itu disediakan adalah untuk menimbulkan kefahaman di kalangan masyarakat terutama dalam konteks stigma dan diskriminasi.

Laporan yang ditaja MAM itu, terbahagi kepada enam bahagian utama iaitu hak mendapat perkhidmatan kesihatan, hak melindungi rahsia peribadi, hak mendapat pekerjaan, hak mendapat keselamatan dalam kehidupan, hak untuk berumahtangga, dan hak mendapatkan maruah diri.

Marina berkata, disebabkan kesukaran untuk mendapat responden bagi laporan berkenaan, kajian kes yang dibuat hanya berdasarkan 95 orang yang positif HIV.

Daripada jumlah itu, 75.8 peratus adalah lelaki, 15.8 peratus wanita dan 8.4 peratus adalah pondan.